

Program Komuniti tingkatkan kesedaran berkaitan pembakaran terbuka berlangsung dengan jayanya

KUCHING: Program Komuniti bagi meningkatkan kesedaran berkaitan pembakaran terbuka di bawah projek Pengurusan Mampam Ekosistem Tanah Gambut (SMPEM) 2025 di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak Kampus Mukah pada Selasa berlangsung dengan jayanya.

Menurut kenyataan akhbar dikeluarkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Sarawak program itu dianjurkan secara bersama oleh JAS Sarawak, UiTM Mukah, Jabatan Residen Bahagian Mukah dan Sarawak Energy Berhad (SEB) serta pelbagai agensi dan jabatan kerajaan negeri dan persekutuan yang lain.

Program kolaboratif itu diharapkan dapat memberi impak yang signifikan kepada masyarakat dalam memperkukuh usaha pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar di Sarawak.

Majlis perasmian disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tellian Royston Valentine yang disaksikan lebih 500 peserta yang terdiri daripada wakil komuniti setempat, pelajar universiti, wakil-wakil agensi kerajaan persekutuan dan negeri yang berkaitan alam sekitar.



RASMI: Royston (enam kanan) bersama yang lain pada simbolik perasmian Program Komuniti bagi meningkatkan kesedaran berkaitan pembakaran terbuka di bawah projek Pengurusan Mampam Ekosistem Tanah Gambut (SMPEM) 2025 di UiTM Kampus Sarawak kelmarin.

Turut hadir Timbalan Residen Mukah Shafrie Sali, Pengarah JAS Sarawak John Rampai, Pegawai Daerah Bahagian Mukah Peleadzman Ahip, P.B.K Pengarah Politeknik Mukah Suhaileh Aleh, Penolong Pendaftar Kanan UiTM Mukah Ahmad Tirmizi Kram dan Pengurus Kanan, Alam Sekitar & Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar SEB Zarifina Sarbini.

Program tahunan ini merangkumi pelbagai kempen serta aktiviti kesedaran alam sekitar, dengan tujuan memperkukuh pendidikan dan memperluas kefahaman masyarakat tentang kepentingan pemuliharaan dan pemu-

liharaan alam sekitar.

Ia sekaligus menjadi wahana penting dalam memperkukuh kefahaman masyarakat setempat mengenai impak serius pembakaran terbuka, khususnya di kawasan tanah gambut yang secara semula jadi amat mudah terdedah kepada kebakaran.

Pada masa yang sama, inisiatif ini turut berperanan mendorong penglibatan aktif komuniti dalam usaha pemuliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, di samping menyampaikan maklumat yang tuntas berkaitan aspek perundangan mengenai pembakaran terbuka.

Antara aktiviti yang dijalankan termasuk

demonstrasi pemadaman kebakaran, pameran agensi, ceramah pencegahan kebakaran tanah gambut, ceramah kawalan kebakaran, ceramah larangan pembakaran terbuka, ceramah kesan jerebu kepada kesihatan, demonstrasi pembuatan sabun daripada minyak masak terpakai, pengumpulan Buangan Elektrik & Elektronik (BEE) dan minyak masak terpakai.

Program itu turut diserikan dengan pertandingan arca kitar semula antara kampung yang menonjolkan kreativiti komuniti, manakala pertandingan video pendek bertema kesedaran alam sekitar dan pencegahan pembakaran pula dibuka kepada maha-

siswa IPT sebagai platform mencungkil bakat generasi muda menyampaikan mesej kelestarian.

Projek SMPEM merupakan inisiatif nasional yang disokong oleh Kerajaan Malaysia dengan kerjasama rakan pembangunan seperti Global Environment Facility (GEF) dan United Nations Development Programme (UNDP).

Ia memberi tumpuan kepada pengurusan mampam tanah gambut di Malaysia, khususnya dalam menangani isu kebakaran terbuka dan degradasi tanah gambut.

Jabatan Alam Sekitar Sarawak menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat, khususnya Pejabat Residen Mukah atas sokongan padu, UiTM Mukah sebagai tuan rumah serta Sarawak Energy Berhad serta agensi dan jabatan kerajaan negeri dan persekutuan yang lain atas komitmen berterusan terhadap kelestarian alam sekitar.

Kerjasama yang erat antara agensi ini membuktikan bahawa pendekatan bersepadu melibatkan pihak kerajaan, swasta, akademik dan komuniti adalah kunci utama dalam menjayakan pengurusan ekosistem secara mampam dan efektif di negeri ini.